

20 MAY 1999

Osu-Lantikan

OSU UCAP SETINGGI PENGHARGAAN KEPADA PM

KOTA KINABALU, 20 Mei (Bernama) -- Pengerusi Barisan Nasional (BN) Negeri Sabah Datuk Osu Sukam hari ini mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad atas lantikan baru dua anggota BN Sabah ke Kabinet Persekutuan.

Menurut beliau, perlantikan itu merupakan satu penghormatan besar kepada negeri ini.

BN negeri akan terus memberikan kerjasama serta sokongan padu kepada kepimpinan Perdana Menteri, katanya.

"Saya juga telah menekankan kepada kepimpinan Umno bahawa kita memerlukan satu budaya kerja yang bukan sahaja dapat mengangkat martabat dan maruah sebagai pemimpin tetapi juga dapat dinilai untuk terus disanjung tinggi oleh pemimpin atasan kita," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Umno negeri di sini, hari ini.

Osu berkata demikian ketika diminta mengulas perlantikan baru Presiden Parti Angkatan Keadilan Rakyat (Akar), Datuk Pandikar Amin Haji Mulia sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan Datuk Shafie Apdal dari Umno Sabah sebagai Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Mengenai perlantikan Tan Sri Khalil Yaakob, beliau berkata pengalaman Menteri Besar Pahang sebagai Pengarah Operasi Gerakan Pilihanraya pada pilihan raya negeri yang lepas, memberikan satu kelebihan kepada beliau untuk lebih memahami keadaan di negeri ini.

Dalam rombakan Kabinet yang diumumkan hari ini, Khalil dilantik sebagai Setiausaha Agung Umno yang baru menggantikan Datuk Sabbaruddin Chik yang meletakkan jawatan.

Beliau juga dilantik sebagai Menteri Penerangan baru menggantikan Datuk Mohamed Rahmat.

Sementara itu, Pandikar Amin ketika dihubungi berkata beliau terutang budi kepada Perdana Menteri kerana menaruh keyakinan kepada beliau sebagai presiden kepada sebuah parti komponen yang "kecil" untuk memegang satu jawatan yang penting.

"Saya akan berusaha untuk melaksanakan tugas yang diberikan dengan sebaik mungkin," kata Pandikar Amin.

Beliau juga berkata perlantikan beliau menunjukkan Perdana Menteri menghargai sumbangan yang diberikan oleh parti-parti komponen BN lain tak kira kecil atau besar.

Anggota Majlis Tertinggi Umno dan Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan Datuk Shafie Apdal turut mengucapkan terima kasih kepada Dr Mahathir kerana melantik beliau sebagai Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Beliau juga akan berusaha menunaikan tugas yang baru diberikan itu dengan sempurna.

-- BERNAMA

HAK PR